

KENYATAAN MEDIA

KAD TOUCH 'N GO YANG SAMA DIPERLUKAN PARKIR DAN TREN UNTUK MENDAPATKAN KADAR KHAS

Kuala Lumpur, 21 Julai 2017: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) ingin menjelaskan beberapa isu yang timbul berikutan pembukaan kemudahan "Park and Ride" sempena permulaan perkhidmatan sepenuhnya MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK).

MRT Corp telah menerima beberapa aduan daripada pengguna kemudahan "Park and Ride" di sepanjang Laluan SBK di mana mereka tidak dikenakan caj RM4.30 sekali masuk (per entry rate) dan sebaliknya telah dikenakan bayaran lebih walaupun setelah menggunakan perkhidmatan MRT.

Pengarah Komunikasi dan Hubungan Hal Ehwal Pihak Berkepentingan MRT Corp Dato' Najmuddin Abdullah berkata bagi pengguna yang ingin menikmati caj istimewa RM4.30 sekali masuk, pengguna perlu ikut beberapa langkah.

Pertama, beliau berkata pengguna mesti **menggunakan kad Touch 'n Go yang sama sewaktu memasuki "Park and Ride" dan semasa mereka menaiki stesen MRT di mana mereka perlu menyentuh kad tersebut di pintu tiket di stesen.**

"Kad yang sama digunakan untuk memasuki 'Park and Ride' harus juga digunakan di pintu masuk stesen sebelum menaiki tren MRT kerana ini adalah satu-satunya cara kita dapat membezakan mereka yang menggunakan kedua-dua kemudahan tren dan parkir, dan yang tidak," katanya.

Najmuddin berkata mereka yang gagal menggunakan kad Touch 'n Go yang sama akan dikenakan tambang standard letak kereta mengikut jam walaupun menggunakan tren dengan menggunakan kad yang berbeza atau dengan membeli token.

"Kes bagi mereka yang menggunakan 'Park and Ride' yang dikenakan caj standard mengikut jam adalah disebabkan oleh ini," katanya.

Di samping menggunakan kad yang sama di "Park and Ride" dan menaiki tren, Najmuddin berkata ada juga beberapa langkah lain yang perlu diikuti.



Beliau berkata dalam perjalanan pulang, pengguna juga harus memastikan bahawa **kad Touch 'n Go yang sama digunakan untuk keluar dari stesen, dan kemudian keluar dari "Park and Ride"**.

"Pengguna harus prihatin bahawa sentuhan kad Touch 'n Go sewaktu perjalanan pertama, dan sentuhan kad semasa perjalanan pulang, haruslah berlaku di stesen yang sama, iaitu di stesen MRT yang bersambung dengan 'Park and Ride'.

"Kami mempunyai contoh di mana seorang pengguna telah mengambil tren di sebuah stesen yang ada "Park and Ride", dan kemudiannya kembali ke 'Park and Ride' tersebut dengan menaiki bas pula. Ini akan mengakibatkan tambang standard letak kereta mengikut jam dikenakan," jelasnya.

Tambahnya lagi, terdapat **had masa dua (2) jam** antara waktu pengguna yang menyentuh kad Touch 'n Go untuk keluar di pintu tiket stesen untuk seterusnya keluar dari "Park and Ride".

Pengguna juga perlu prihatin bahawa jika mereka menggunakan kad Touch 'n Go yang sama untuk "Park and Ride" untuk masuk ke pintu tiket stesen, dan kemudian keluar dari pintu tiket di stesen yang sama tanpa keluar dari mana-mana stesen yang lain, mereka juga akan dikenakan tambang standard letak kereta mengikut jam.

"Maksudnya ialah jika seseorang memasuki stesen, dan menaiki tren ke pelbagai stesen tetapi tidak keluar dari pintu tiket, dan kemudiannya kembali ke stesen permulaan dan keluar di situ, pengguna tersebut tidak akan menikmati kadar istimewa, " jelasnya.

Dato Najmuddin berkata MRT Corp akan menambah lebih banyak papan tanda di "Park and Ride" untuk menjelaskan apa yang perlu dilakukan supaya pengguna boleh menikmati bayaran RM4.30 bagi setiap orang yang menggunakan perkhidmatan MRT.

"Oleh demikian, kami menggesa mereka yang telah menggunakan 'Park and Ride' dan mematuhi langkah-langkah yang telah disebutkan di atas kecuali langkah menggunakan kad yang sama apabila menaiki tren, untuk menghubungi MRT Corp untuk mendapatkan bayaran balik," katanya.

Sila emel kepada mrtparkingfeedback@mymrt.com.my atau hubungi Unit Operasi Tempat Letak Kereta MRT Corp di 03 - 2081 5328 atau 03 - 2081 5330.

Najmuddin berkata ini hanyalah melibatkan "Park and Ride" di Sungai Buloh, Phileo Damansara, Maluri, Taman Midah, Taman Suntex, Bandar Tun Hussein Onn, Bukit Dukung dan Sungai Jernih.



Untuk kemudahan letak kereta lain di sepanjang Laluan SBK seperti di Kwasa Damansara, Kwasa Sentral, Bandar Utama, Pusat Bandar Damansara dan Kajang; Najmuddin berkata mereka dimiliki dan dikawal oleh pihak luar

"Pengguna boleh menghubungi pengendali tempat letak kereta mereka untuk sebarang isu yang perlu ditangani," katanya.

Kadar letak kereta untuk kemudahan "Park dan Ride" dilampirkan.

-tamat/-

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

*Encik Leong Shen-Li
MRT Corp*

012-3196602 / leong.shen-li@mymrt.com.my

*Cik Amalina Ghazali
MRT Corp*

016-2154055 / amalina.ghazali@mymrt.com.my